

30 AUG 2002

Ambang-Sambutan (Rangkuman)

PEMIMPIN, RAKYAT BERSEMANGAT SAMBUT AMBANG HARI KEBANGSAAN 2002

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Laungan "Merdeka" lantang berkumandang serentak di Dataran Merdeka dan Taman KLCC di sini malam ini ketika puluhan ribu rakyat Malaysia bersama para pemimpin negara menghadiri sambutan Ambang Hari Kebangsaan 2002 yang berlangsung dalam suasana penuh bersemangat dan ceria.

Dengan berlatarkan Bangunan Sultan Abdul Samad yang bermandikan cahaya, dataran itu menjadi tumpuan pelbagai lapisan masyarakat termasuk pelancong asing yang mahu menyaksikan jam besar di bangunan itu berdetik 12 kali menandakan bermulanya hari baru 31 Ogos -- Hari Kebangsaan Malaysia ke-45.

Kedinginan malam berikutan hujan yang turun sejak awal petang dan berterusan sehingga tengah malam tidak mematahkan semangat rakyat Malaysia menyambut ketibaan Hari Kebangsaan yang diadakan di dua tempat utama itu.

Tepat detik 12 malam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersama-sama isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta beberapa Menteri Kabinet dengan penuh semangat melaungkan "Merdeka" sebanyak tujuh kali diiringi oleh ribuan hadirin yang membanjiri Dataran Merdeka yang terletak di tengah-tengah ibu kota.

Dr Mahathir yang berdiri di pentas khas bersama para hadirin lain menyertai kumpulan koir dengan penuh semangat menyanyikan lagu kebangsaan Negaraku serta lagu patriotik Jalur Gemilang dan Keranamu Malaysia, sambil mengibarkan bendera Jalur Gemilang.

Di Taman KLCC, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa Menteri Kabinet antaranya Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding bersama ribuan warga kota melaungkan "Merdeka".

Sebelum itu, para hadirin dihiburkan dengan Konsert Suria Merdeka anjuran Petronas, KLCC, Astro dan Exxon Mobil dengan persembahan beberapa artis popular tanah air yang memeriahkan lagi acara sambutan.

Ruang udara bandar raya turut menjadi kanvas untuk pertunjukan bunga api berwarna-warni kira-kira 10 minit dari Dataran Merdeka dan Taman KLCC dengan sambutan sorakan mereka yang hadir menjadi kemuncak acara sambutan malam ini.

Terdahulu, ketibaan Dr Mahathir di Dataran Merdeka pada 11.20 malam disambut Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Sementara menunggu detik 12 malam, para hadirin dihiburkan dengan persembahan lagu-lagu patriotik oleh artis-artis tanah air, deklamasi puisi dan nyanyian dan sedutan pementasan.

Sekumpulan penunggang skuter "Comel" buatan Modenas membawa Jalur Gemilang dan menyerahkannya kepada Dr Mahathir.

Jalan-jalan menuju ke Dataran Merdeka dan di sekitar KLCC sesak dengan puluhan ribu warga kota dan juga rakyat daripada seluruh pelusuk tanah air yang ingin menyertai sambutan Ambang Hari Kebangsaan.

Acara sambutan yang serupa turut diadakan di seluruh negara.

Di SHAH ALAM: Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah turut mencemar duli menghadiri upacara perbarisan dan sambutan Ambang Merdeka di Dataran Kemerdekan di sini.

Baginda yang diiringi Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo turut berkenan menyaksikan perbarisan kira-kira 20 kontinjen yang terdiri daripada agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, swasta, dan

pertubuhan bukan kerajaan.

Dr Mohd Khir turut mendeklamasikan sajak bertajuk Aksara Kemerdekaan sebelum kiraan detik 12 malam dimulakan.

Sambutan bermula kira-kira pukul 10 malam tadi yang turut disaksikan ribuan rakyat.

Di KUALA TERENGGANU: Perayaan Ambang Hari Kebangsaan diadakan di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah yang dihadiri Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Ku Abdul Azah Syed Alwee dan exco-exco kerajaan negeri, dimulakan dengan bacaan ayat Al-Quran.

Pengerusi Jawatankuasa Sukan, Kebudayaan dan Pelancongan, Wan Hassan Mohd Ramli kemudiannya mengetuai perarakan menyampaikan Jalur Gemilang kepada Menteri Besar diikuti perutusan kemerdekaan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan amanat Hari Kemerdekaan oleh Menteri Besar.

Sambutan yang bermula pada pukul 9 malam terbahagi kepada empat segmen yang dipenuhi dengan pelbagai persembahan termasuk Dikir Barat oleh Kumpulan Sound of Terengganu, nyanyian oleh Kumpulan Soutul Amal dan kumpulan koir negeri, deklamasi sajak dan persembahan lagu-lagu puisi.

Abdul Hadi turut melaungkan 'Merdeka' sebanyak tujuh kali dan 'Takbir' sebanyak tiga kali. Perayaan sambutan Ambang Merdeka diakhiri dengan lagu Jalur Gemilang, Tanggal 31 Ogos dan lagu tema Keranamu Malaysia serta Zikir Munajat dan Selawat Nabi beramai-ramai.

Di IPOH: Kira-kira 10,000 orang membanjiri Padang Ipoh bagi menyaksikan sambutan Ambang Hari Kebangsaan yang bermula pada pukul 9 malam.

Orang ramai disajikan dengan persembahan artis jemputan Erra Fazira selain persembahan kesenian oleh empat kumpulan kesenian pelbagai kaum di negeri Perak iaitu Melayu, Cina, India dan Orang Asli.

Hadir pada sambutan tersebut ialah Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali yang tiba di Padang Ipoh kira-kira pukul 10.55 malam dan turut disertai oleh exco kerajaan negeri serta pegawai-pegawai kanan kerajaan negeri.

Tepat pukul 11.59 malam, kiraan detik 12 malam diadakan yang diikuti dengan laungan Merdeka sebanyak tujuh kali sebelum upacara menaikkan Jalur Gemilang yang besar dan diikuti nyanyian lagu Negaraku, Jalur Gemilang dan Keranamu Malaysia.

Selepas itu, pertunjukan bunga api selama tujuh minit diadakan sebelum upacara melepaskan 45 tanglung Kong Ming Tan oleh kanak-kanak Tadika.

Di ALOR SETAR: Hujan tidak menghalang Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain bersama-sama hampir 10,000 orang hadir di Dataran Tunku untuk menyambut perayaan Ambang Merdeka peringkat negeri Kedah.

Bagaimanapun sebaik sahaja kiraan 10 saat bermula sebelum detik 12 tengah malam, hujan tiba-tiba berhenti dan kemudian diikuti dengan teriakan laungan "Merdeka" sebanyak tujuh kali dari para jemputan atas pentas dan orang ramai yang membanjiri Dataran Tunku.

Pertunjukan bunga api yang berwarna warni selama 30 minit menyerikan ambang Hari Kebangsaan. Terdahulu pelbagai acara kebudayaan dan kesenian dipersembahkan kepada para hadirin.

Di KOTA BAHARU: Sambutan gilang gemilang bermula pukul 9 malam di Stadium Sultan Mohamed Ke-IV yang dihadiri kira-kira 30,000 orang dan dirasmikan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan Datuk Abdul Halim Abdul Rahman yang mewakili Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Sambutan bermula dengan Forum Kemerdekaan yang menyentuh aspek sosial, ekonomi dan politik bagi menarik golongan remaja dan belia menghayati nilai kecintaan kepada bangsa dan negara.

Ia diikuti persembahan nasyid oleh Kumpulan Hijaz, pertunjukkan silat oleh 100 pesilat dari Kumpulan Silat Dua Kalimat Negeri Kelantan, Dikir Barat, persembahan Simfoni Etnik Merdeka oleh 150 peserta dari etnik Melayu, Siam, India, Cina dan Orang Asli.

Turut memukau penonton ialah deklamasi puisi hikmah merdeka oleh pendeklamasi daripada etnik Melayu, India, Cina, Siam dan Orang Asli.

Acara kemuncaknya ialah kiraan detik 12 malam diikuti laungan "Merdeka" sebanyak tujuh kali dan upacara menaikkan Jalur Gemilang dengan iringan nyanyian lagu Negaraku dan Keranamu Malaysia serta pertunjukkan bunga api.

Di KANGAR: Ribuan penduduk membanjiri Stadium Utama menunggu detik 12 malam untuk melaungkan "Merdeka" dan mengibarkan Jalur Gemilang dan nyanyian lagu kebangsaan. Sebelum itu diadakan pelbagai acara kebudayaan dan majlis penganugerahan Tokoh Kemerdekaan.

Seorang penentang Malayan Union, Datuk Nordin Ismail, 79, diumumkan sebagai Tokoh Kemerdekaan dan beliau menerima cenderamata yang disampaikan oleh Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim.

Shahidan turut menerima Jalur Gemilang daripada para peserta larian Jalur Gemilang yang diketuai Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam Negeri, Datuk Yazid Mat.

Menteri Besar juga turut menyambut ketibaan dua pengayuh basikal, Wan Shahidan Yahya, 43, dan Adi Najib Ahmad, 26, yang menamatkan kayuhan sejauh 851 kilometer dari Johor Baharu ke Kangar yang bermula 23 Ogos lalu.

-- BERNAMA

MAM SOP SN SHS KAY MNH BD AD HS HM